



15 Februari 2016
15 February 2016
P.U. (B) 58

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 15597/2002 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 10 Oktober 2002, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan oleh subseksyen 28(1) Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 [*P.U. (A) 291/1984*], Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk taman rekreasi awam dan telah menetapkan bahawa Perbadanan Labuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 242/2010 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 10 Mei 2010, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan:

DAN BAHAWASANNYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pendaftar Hakmilik Tanah Wilayah Persekutuan Labuan dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan, Tingkat 1, E003,